

25 JUN 1996

## MOTOSIKAL NASIONAL AKAN DIPASARKAN SEPTEMBER INI

Oleh: M. Jegathesan

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Segalanya bermula dengan impian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menghasilkan kereta nasional. Impian itu disuarakan oleh beliau pada 1982.

Berikutan itu, tertubuhlah Perbadanan Industri Berat Malaysia atau lebih dikenali sebagai Hicom dan Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton). Kemudian lahirlah kereta nasional Malaysia yang pertama, Proton Saga, pada 1985.

Kini, muncul pula motosikal nasional yang akan menemui pembeli September ini. Pada peringkat awal, pengeluaran motosikal model empat lejang ini dijangka mencapai 100,000 unit setahun. Ia dijangka dijual pada harga yang mampu bersaing dengan model lain yang terdapat di pasaran.

Rakyat Malaysia akan berpeluang melihat motosikal nasional ini melalui televisyen apabila ia dipamerkan pada Perayaan Hari Kebangsaan yang berlangsung di Kota Kinabalu 31 Ogos ini.

Pada 7 Februari, 1995, Diversified Resources Bhd (DRB), Kawasaki Heavy Industries Ltd dan Nisho-Iwai Corporation menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) sebagai langkah awal ke arah kelahiran motosikal nasional pertama Malaysia.

Sebuah syarikat usaha sama dikenali sebagai "Motosikal dan Enjin Nasional Sdn Bhd" atau Modenas kemudian ditubuhkan. Khazanah Holdings, bahagian pelaburan kerajaan, turut menyertai program ini.

Modenas, sebuah Projek berasaskan kemajuan teknologi dan pasaran eksport yang menelan belanja RM300 juta, membabitkan 800 kakitangan termasuk pengurus kilang, penyelia dan operator pengeluaran untuk memastikan 100,000 unit motosikal dapat dikeluarkan setahun apabila kilangnya beroperasi secara penuh.

Pembinaan kemudahan pengeluarannya di Gurun, tidak jauh dari Sungai Petani, kini hampir siap.

Setakat ini, Modenas sudah melabur lebih RM5 juta untuk memberi latihan kepada kakitangan pengurusan dan kejuruteraannya di Jepun.

Unit-unit perintis yang dikeluarkan telah diuji dan didapati memuaskan hati para jurutera Kawasaki dan Modenas. Motosikal berkenaan dikatakan selesa ditunggang, mudah dikendalikan dan stabil ketika laju.

Kini, komponennya diperolehi daripada tiga sumber utama -- bahagian komponen pasang semua (CKD) yang diimport dari Jepun (terutama injin dan komponen transmisi), bahagian yang dihasilkan sendiri oleh kilang Modenas dan bahagian yang dihasilkan oleh pengeluar tempatan.

Menjelang tarikh pelancarannya, motosikal nasional ini akan mengandungi 50 peratus komponen tempatan manakala menjelang 1997 kandungannya dijangka meningkat kepada 70 peratus. -- BERNAMA

JSM DIN/sia